

20 JUN 2000

G15-Kemuncak/I

G15 TAMATKAN SIDANG KEMUNCAK DENGAN PENYERTAAN DUA ANGGOTA BARU

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

KAHERAH, 20 Jun (Bernama) -- G15, sebuah kumpulan 17 negara membangun, menamatkan sidang kemuncak dua harinya di sini hari ini dengan penyertaan dua anggota baru iaitu Iran dan Colombia.

Para pemimpin juga bersetuju bahawa para menteri luar G15 akan bermesyuarat di Mexico pada Oktober ini untuk membincangkan usaha meningkatkan kerjasama di kalangan negara-negara anggota.

Para menteri perdagangan G15 juga akan mengadakan mesyuarat tidak rasmi di Kuala Lumpur pada Ogos ini.

Semasa menutup sidang kemuncak itu, Presiden Mesir Hosni Mubarak berkata kumpulan itu telah memainkan peranan yang aktif terutama dalam rundingan mengenai perdagangan dunia.

Para pemimpin kumpulan itu juga membangkitkan isu-isu globalisasi dan kesannya terhadap ekonomi negara-negara anggota dari Asia, Afrika, Amerika Latin dan Kepulauan Caribbean.

Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ialah antara sembilan ketua kerajaan yang menghadiri mesyuarat itu. Lima negara diwakili oleh naib presiden masing-masing manakala tiga lagi diwakili menteri luar.

Antara isu penting lain yang dibincangkan ialah mengenai keamanan dan senjata serta merapatkan jurang antara Utara dan Selatan dari segi teknologi dan pekerjaan.

G15 juga menyatakan keprihatinannya dalam satu pernyataan yang akan dikemukakan pada mesyuarat negara-negara maju G8 di Jepun bulan depan.

Sidang kemuncak G15 tahun depan akan diadakan di Indonesia.

G15 dianggotai oleh Algeria, Argentina, Brazil, Chile, Mesir, India, Indonesia, Jamaica, Kenya, Malaysia, Mexico, Nigeria, Peru, Senegal, Sri Lanka, Venezuela dan Zimbabwe.

-- BERNAMA

AZZ NAK